

# KARNIVAL LIPIS 2016

## P E R T A N D I N G A N

# Nasyid

Tarikh Pertandingan:

22/9/2016

3.00-6.30ptg

Tempat/Venue:

Dataran Orang Kaya  
Haji, MDL

Hadiah untuk dimenangi:

### Kategori Terbuka Lelaki / Wanita

Tempat Pertama : RM700

Tempat Kedua : RM500

Tempat Ketiga : RM300

### Kategori Pelajar Sekolah Menengah

Tempat Pertama : RM500

Tempat Kedua : RM300

Tempat Ketiga : RM200

Tarikh Tutup  
1 Sept 2016



Pn. Suhaina 013 922 7559  
Pn. Nurul 012 984 2920



Majlis Daerah  
Lipis



## **SYARAT DAN PENYERTAAN PERTANDINGAN NASYID BERSEMPENA KARNIVAL LIPIS 2016**

---

### **1. PENDAHULUAN**

Syarat-syarat dan peraturan Pertandingan Nasyid ini diwujudkan sebagai garis panduan dalam membuat pemilihan peserta, menjalankan pertandingan dan menentukan pemenang melalui proses pengadilan yang tersusun dan saksama.

### **2. PENGANJUR**

Pertandingan Nasyid Sempena Karnival Lipis 2016 ini dianjurkan oleh Majlis Daerah Lipis.

### **3. SYARAT-SYARAT PENYERTAAN**

- 3.1. Setiap kumpulan hendaklah terdiri daripada lapan (8) orang (minima) sehingga sepuluh (10) orang (maksima) , manakala ahli-ahli kumpulan hendaklah tidak bercampur di antara lelaki dan wanita dan diiringi oleh seorang (1) pengurus pasukan sahaja.
- 3.2. Peserta pasukan hendaklah warganegara Malaysia dari pelbagai kaum dan berumur tidak kurang daripada 15 tahun dan tidak melebihi 60 tahun pada 31 Disember 2016.
- 3.3. Penyertaan terbuka kepada sepuluh (20) penyertaan terawal sahaja.
- 3.4. Pertandingan ini terbahagi kepada Dua (2) kategori iaitu :-

#### 3.4.1 KATEGORI LELAKI DAN WANITA TERBUKA

(10 Kumpulan)

#### 3.4.2 KATEGORI PELAJAR SEKOLAH MENENGAH

(10 Kumpulan)

- 3.5. Sesebuah kumpulan dianggap tidak layak menyertai pertandingan ini sekiranya mana-mana ahli kumpulan terdiri daripada penyanyi profesional. (Penyanyi Profesional ialah individu yang telah membuat album sama ada dalam bentuk piring hitam, kaset atau cakera padat baik secara solo mahupun berkumpulan).

### 4. LAGU

- 4.1. Setiap kumpulan hendaklah mempersembahkan satu (1) buah lagu sahaja.
- 4.2. Pemilihan lagu boleh menggunakan lagu-lagu nasyid yang sedia ada di pasaran mahupun menggunakan lagu ciptaan sendiri.
- 4.3. Senikata lagu hendaklah dalam Bahasa Melayu, Inggeris atau Arab atau gabungan bahasa-bahasa tersebut. Bagi senikata di dalam Bahasa Inggeris dan Arab hendaklah diterjemahkan ke dalam Bahasa Melayu.
- 4.4. Lirik lagu hendaklah berunsur nilai-nilai murni Islam yang bersesuaian yang bertujuan untuk memupuk semangat dakwah islamiah, kehidupan sejahtera, membanteras masalah sosial, meningkatkan nilai-nilai kemanusiaan sejagat dan seumpamanya.
- 4.5. Pencipta lagu dan penulis lirik hendaklah warganegara Malaysia.

## **5. MUZIK**

- 5.1 Pertandingan ini akan menggunakan kaedah 'minus one' yang disediakan sendiri oleh setiap kumpulan. Penggunaan alatan muzik adalah DIBENARKAN.
- 5.2 Format minus one hendaklah berbentuk MP3 dan disalinkan ke Audio CD atau DVD sahaja.
- 5.3 Lagu yang hendak disampaikan hendaklah tidak melebihi 4 minit sahaja.

## **6. PENGHAKIMAN**

- 6.1. Penghakiman pertandingan ini akan dihakimi oleh Jemaah Hakim yang dilantik oleh pihak penganjur.
- 6.2. Keputusan Jemaah Hakim adalah MUKTAMAD. Sebarang bantahan tidak akan dilayan.
- 6.3. Penghakiman berdasarkan pada aspek-aspek berikut :-
  - 6.3.1 Mutu Suara - 50 Markah
  - 6.3.2. Harmoni - 30 Markah
  - 6.3.3. Persembahan - 15 Markah
  - 6.3.4. Busana/Tatarias - 5 Markah
- 6.4. Pada Peringkat SARINGAN, setiap kumpulan akan dinilai sehingga Juri berpuas hati dan berhak menghentikan persembahan yang disampaikan. PERSEMBAHAN PENUH hanya akan dinilai sewaktu peringkat AKHIR SAHAJA.

## **7. LAIN-LAIN KETERANGAN**

- 7.1. Sebarang kemalangan/kecederaan atau kerugian semasa pertandingan ini adalah tanggungjawab sendiri dan tidak dibenarkan membuat tuntutan kepada pihak penganjur.
- 7.2. Semua perbelanjaan untuk menyertai pertandingan ini ditanggung sepenuhnya oleh kumpulan masing-masing.
- 7.3. Yuran penyertaan pertandingan dikenakan sebanyak RM 20.00 kepada setiap kumpulan.
- 7.4. Tarikh tutup penyertaan adalah pada 1 September 2016 (Khamis) jam 12.00 tengahari.
- 7.5. Saringan akan diadakan pada 22 September 2016 (Khamis) bermula jam 9.00 pagi – 11.00 pagi untuk memilih lima (5) kumpulan terbaik bagi setiap kategori.

- 7.6. Pertandingan akhir akan berlangsung pada pada hari yang sama iaitu 22 September 2016 (Khamis) bermula jam 3.00 petang - 6.30 petang.
- 7.7. Kumpulan yang berminat untuk menyertai pertandingan ini boleh mendapatkan Borang Penyertaan di alamat berikut :  
MAJLIS DAERAH LIPIS,

Kompleks Bangunan-Bangunan Kerajaan,  
27200 Kuala Lipis.

No. Tel: 09-3121253/3121433

No. Faks : 09-3123953

No. H/P : 013-9227559 (Puan Suhainatulakma Ismail)

No. H/P : 012-9842920 (Puan Nurul Zalila Jamaludin)

Facebook : Majlis Daerah Lipis

- 7.8. Pihak urusetia berhak menolak penyertaan peserta sekiranya didapati peserta melanggar syarat yang telah ditetapkan oleh urusetia.

## **8. HADIAH**

### **A. KATEGORI LELAKI DAN WANITA TERBUKA**

- 8.1. JOHAN  
Wang Tunai RM 700.00 dan Sijil penyertaan.
- 8.2. NAIB JOHAN  
Wang Tunai RM 500.00 dan Sijil Penyertaan.
- 8.3. TEMPAT KETIGA  
Wang Tunai RM 300.00 dan Sijil Penyertaan.
- 8.4. TUJUH (7) HADIAH SAGUHATI  
Wang Tunai RM 100.00 DAN Sijil Penyertaan.

## **B. KATEGORI PELAJAR SEKOLAH MENENGAH**

### 8.5 JOHAN

Wang Tunai RM 500.00 dan Sijil penyertaan.

### 8.6 NAIB JOHAN

Wang Tunai RM 300.00 dan Sijil Penyertaan.

### 8.7 TEMPAT KETIGA

Wang Tunai RM 200.00 dan Sijil Penyertaan.

### 8.8 TUJUH (7) HADIAH SAGUHATI

Wang Tunai RM 100.00 DAN Sijil Penyertaan



**BORANG MENYERTA PERTANDINGAN NASYID  
SEMPENA KARNIVAL LIPIS 2016  
PADA 22 SEPTEMBER 2016  
BERTEMPAT DI DATARAN ORANG KAYA HAJI, LIPIS**



<b>KATEGORI</b>		<input type="checkbox"/> * TERBUKA LELAKI / WANITA PELAJAR SEKOLAH MENENGAH	
<b>NAMA PENGURUS</b>			
<b>NO. TELEFON PENGURUS</b>			
<b>NAMA KUMPULAN</b>			
<b>BIL.</b>	<b>NAMA AHLI KUMPULAN / PESERTA</b>	<b>NO.K/P</b>	<b>UMUR</b>
1			
2			
3			
4			
5			
6			
7			
8			
9			
10			

\* Nota: Sila potong yang mana tidak berkenaan.

MAJLIS DAERAH LIPIS,  
Kompleks Bangunan-Bangunan Kerajaan,  
27200 Kuala Lipis.  
No. Tel : 09-3121253/3121433  
No. Faks : 09-3123953  
No. H/P : 013-9227559 (Puan Suhainatulakma Ismail)  
No. H/P : 012-9842920 (Puan Nurul Zalila Jamaludin)  
Facebook : Majlis Daerah Lipis

Tarikh Tutup Penvertaan: **1 SEPTEMBER 2016**